

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PEMBANGUNAN FRANCAIS DAN PERASMIAN
PERNIAGAAN-PERNIAGAAN FRANCAISI
Lokasi : PWTC, KUALA LUMPUR
Tarikh : 27-01-1994

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara yang mengawasi pelaksanaan Francais, saya adalah mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan tuan-tuan dan puan-puan ke Majlis ini.

Yang Amat Berhormat Dato Seri adalah dengan hormatnya dipersilakan untuk merasmikan perniagaan-perniagaan francaisi perintis di bawah program ini dan juga merasmikan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia yang ulung-ulung kalinya diadakan di negara kita.

2. Perancangan Program Pembangunan Francais bermula dalam bulan Mei, 1991 dengan pembentukan sebuah Jawatankuasa Kerja yang dianggotai oleh wakil-wakil sektor swasta dan awam.

Syukur alhamdulillah, pada hari ini seramai 30 orang usahawan Bumiputera, yang telah dipilih dengan rapi daripada seramai lebih 3,000 orang usahawan Bumiputera yang memohon untuk menyertai program ini, telah memulakan operasi perniagaan mereka di 30 buah kedai yang difrancaiskan oleh francaisor masing-masing.

3. Di dalam melaksanakan program Francais ini, Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara di peringkat pegawai telah mendapat sokongan dari berbagai pihak, terutamanya dari kalangan francaisor, yang telah menyahut seruan Kerajaan bagi menawarkan peluang kepada usahawan Bumiputera selaku francaisi kepada produk-produk mereka. Kita telah juga mendapat sokongan dan bantuan daripada pertubuhan-pertubuhan francais, terutamanya International Franchise Association, ASEAN-US Business Council melalui PITO Malaysia dan Persatuan Francais Malaysia yang bersama-sama menganjurkan "Malaysian International Franchise Conference" ini.

4. May I take this opportunity to welcome our friends from the International Franchise Association, as well as franchisors from the United States of America and other ASEAN countries. We are indeed grateful for your participation in the conference, which will further encourage the development of franchising in Malaysia. This conference will provide an effective forum to disseminate information on various aspects of franchising, to educate Malaysian entrepreneurs that franchising is one of the most effective means for the distribution of goods and services, and generally to share information with Malaysian entrepreneurs and businesses on how they may structure their respective businesses for franchising.

5. Saya suka merakamkan ucapan berbilang terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menganjurkan Majlis Pelancaran Program Pembangunan Francais pada hari ini, khususnya kepada semua francaisor tempatan yang menyertai Pamiran Peluang-Peluang Francais ini, dan khusus kepada penganjur dan semua peserta Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 1994.

6. Ucapan terima kasih juga tujukan kepada semua hadirin yang sudi melapangkan masa menghadiri majlis ini, lebih-lebih lagi kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr.

Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri yang telah memberi perhatian khusus dan idea-idea beliau semasa Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara membuat perancangan untuk melaksanakan program ini dan seterusnya memberi sokongan kepada saya dan pegawai-pegawai yang berkenaan dalam melancarkan program ini.